

06/08/1998

Pencemar perlu bayar (HL)

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan menggunakan prinsip 'pencemar membayar kos pencemaran' dalam pengiraan kadar cukai pada masa akan datang, ke arah membersihkan dan memulihara alam sekitar di negara ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika ini mengkaji bentuk cukai berkaitan dan mekanisme pelaksanaannya, tanpa mengabaikan perkembangan industri.

Langkah ini adalah selaras dengan perakuan cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) seperti dinyatakan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, baru-baru ini.

Dalam pelan itu, MTEN mencadangkan penggunaan prinsip itu sebagai asas percukaian bagi alam sekitar iaitu pengiraan jumlah cukai adalah berdasarkan tahap kemusnahan terhadap alam sekitar.

Langkah itu bertujuan mengurangkan beban penggunaan sumber asli negara ekoran kegawatan ekonomi, yang boleh membawa kepada pencemaran lebih serius.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata prinsip itu, apabila dilaksanakan nanti, akan merangkumi semua aktiviti terutama dalam sektor industri, yang banyak memberi kesan kepada ekonomi dan alam sekitar.

Menurutnya, peraturan baru itu akan dikuatkuasakan apabila semua isu berkaitan pelaksanaannya sudah diteliti dan diselesaikan.

"Kementerian sedang meneliti perkara itu bagi mencari kaedah terbaik untuk melaksanakannya. Kita juga mungkin berbincang dengan sektor industri mengenai perkara ini," katanya ketika ditemui pada jamuan sempena pelancaran Kempen Derma Buku oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Difahamkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) pernah mencadangkan peraturan serupa dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Bagaimanapun, cadangan supaya mengambil kira kemusnahan kepada alam sekitar dalam pengiraan cukai itu tidak diterima dan JAS diarah meneliti perkara itu dengan lebih lanjut.

Ketika itu, JAS mencadangkan supaya kos pencemaran dimasukkan dalam cukai pendapatan individu dan cukai korporat syarikat. Kaedah ini sudah dilaksanakan di beberapa negara maju.

"Langkah mengenakan cukai ke atas kerosakan yang dilakukan akan menghalang mereka daripada terus mencemari alam sekitar. Pada masa yang sama, kita tidak mahu langkah ini menjejaskan perkembangan industri," katanya.

(END)